

Memo/Panduan kasar untuk fasilitator/penyelia kumpulan

## **Latihan Dalam Kumpulan (LDK) 1**

1. Objektif LDK 1 : sebagai sesi suai-kenal bertujuan untuk **"break the ice"** di antara semua ahli kumpulan. Ini membolehkan para pelajar berasa selesa untuk mengutarakan hujah di kalangan kawan-kawan dan juga penyelia kumpulan.
2. Antara contoh aktiviti yang boleh dibuat adalah :
  - a. Memperkenalkan diri, tempat asal, rumah sukan dll
  - b. Menyatakan 3 perkara yang disukai, dibenci
  - c. Dan lain-lain
3. Penyelia boleh mempelbagaikannya mengikut kreativiti sendiri asalkan objektifnya tercapai.
4. Penyelia juga boleh menceritakan pengalamannya yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan dalam sesi plenary sebelum itu.
5. Para pelajar digalakkan juga bertanyakan soalan berkenaan topik yang dibincangkan dalam sesi plenary.

Had masa : 45 minit

## **LDK 2**

Objektif : Membantu para pelajar mencari hala tuju di dalam memilih kursus atau kerjaya selepas SPM

1. Para pelajar diminta mengisi satu borang yang mengandungi "My Action Plan" serta lain-lain maklumat yang difikirkan perlu (Saudara Azmi Bachok akan menyiapkan borang ini).
2. Pelajar akan diminta membentangkan "Action Plan" tersebut di dalam kumpulan masing-masing.
3. Pelajar juga akan diberi peluang untuk bertanya soalan kepada penyelia lain yang hadir sekiranya ada soalan spesifik berkenaan sesuatu kerjaya yang ingin diketahuinya.
4. Penyelia perlu memastikan bahawa objektif LDK 2 tercapai dengan mengaitkan aktiviti LDK 2 dengan ceramah dalam sesi plenary dan juga berdasarkan kreativiti/pengalaman masing-masing.

## **Budi Karya Bakti**